

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN OLEH PENYEBUTHARGA
1.	SKOP KERJA	<p>Penyebut harga diminta untuk menawarkan cadangan solusi sistem pengurusan dan pemantauan aset (SPA) dan stor (SPS) Tourism Malaysia bagi kegunaan Tourism Malaysia.</p>		
2.	PEMATUHAN	<p>Sistem yang dicadangkan perlulah mematuhi peraturan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan AM 1 Pengurusan Aset Kerajaan; 2. Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan AM 2 Pengurusan Aset Alih Kerajaan; 3. Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan AM 6 Pengurusan Stor Kerajaan; 4. Apa-apa pindaan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan serta Tourism Malaysia terhadap peraturan-peraturan di atas. 		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
3.	TANGGUNGJAWAB	Penyebut harga bertanggungjawab untuk membekal, membangun, memasang, mengujilari dan menyelenggara sistem yang dicadangkan.		
4.	SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET ALIH (SPA)	<p>Penyebut harga bertanggungjawab untuk membekal, membangun, memasang, mengujilari dan menyelenggara sistem pengurusan dan pemantauan aset alih Kerajaan (SPA) berdasarkan kepada ketetapan Pekeliling AM 2 Tatacara Pengurusan Aset Alih atau apa-apa pindaan berkaitan semasa proses pembekalan dilaksanakan.</p> <p>Sistem juga perlu menyediakan semua modul dan sub modul khusus berdasarkan ketetapan pekeliling yang dinyatakan termasuk proses migrasi daripada sistem sedia ada kepada sistem yang dicadangkan. Butiran aset mestilah berpandukan kepada ketetapan Kerajaan melalui pautan http://knowledgebase.treasury.gov.my atau pindaannya.</p> <p>Penyebut harga perlu menyatakan anggaran kos bagi SPA. Penyebutharga perlu mengemukakan proposal mengenai SPA.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
5.	SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN STOR (SPS)	<p>Penyebut harga bertanggungjawab untuk membekal, membangun, memasang, mengujilari dan menyelenggara sistem pengurusan dan pemantauan sotr (SPS) berdasarkan kepada ketetapan Pekeliling AM 6 Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan atau apa-apa pindaan berkaitan semasa proses pembekalan dilaksanakan.</p> <p>Sistem juga perlu menyediakan semua modul dan sub modul khusus berdasarkan ketetapan pekeliling yang dinyatakan termasuk proses migrasi daripada sistem sedia ada kepada sistem yang dicadangkan. Butiran stok mestilah berpandukan kepada ketetapan Kerajaan melalui pautan http://knowledgebase.treasury.gov.my atau pindaannya.</p> <p>Penyebut harga perlu menyatakan anggaran kos bagi SPS. Penyebutharga perlu mengemukakan proposal mengenai SPS.</p>		
6.	LAPORAN	<p>1. Sistem yang dibekalkan WAJIB mematuhi ketetapan pekeliling di mana sistem boleh menjana keseluruhan laporan sepertimana ketetapan peraturan-peraturan semasa Kerajaan (Sila rujuk perkara 2 (Pematuhan)).</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>2. Sistem juga perlu mempunyai modul Laporan Eksekutif yang mana laporan ini berkebolehan bagi <i>customized</i> mengikut keperluan Tourism Malaysia.</p> <p>3. Sistem yang dibekalkan juga MESTILAH berkeupayaan:</p> <p>(i) menghasilkan laporan <i>audit trail</i> pengguna untuk kegunaan pentadbir sistem</p> <p>(ii) mengeksport laporan dalam format seperti MS Word, MS Excel, pdf dan lain-lain.</p> <p>Penyebut harga perlu menyatakan anggaran kos bagi tujuan laporan dan contoh laporan yang boleh dijana melalui sistem termasuk laporan eksekutif.</p>		
7.	INTEGRASI	<p>1. Sistem yang dibekalkan MESTILAH berupaya menggunakan ID pengguna yang diintegrasikan dengan <i>Active-Directory (AD)</i> sedia ada.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>2. Sistem perlu mempunyai keupayaan untuk berintegrasi dengan Sistem Kewangan Berkomputer Tourism Malaysia (standard keperluan sistem kewangan SAGA dan MPSAS) dengan pematuhan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendaftaran aset alih; 2. Pelupusan aset alih; 3. Susut nilai aset. <p>Penyebut harga perlu menyatakan cadangan dan anggaran kos bagi tujuan integrasi.</p>		
8.	APLIKASI MOBILE (MOBILE APPS)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyebutharga perlu menyediakan khidmat membekal, membangun, memasang, mengujilari, dan menyelenggara sistem aplikasi mobile dan berintegrasi dengan sistem pengurusan dan pemantauan aset dan stor yang dicadangkan. 2. Penyebut harga perlu menyatakan anggaran kos bagi aplikasi mobile. Penyebut harga juga perlu menyatakan sistem operasi minimum bagi peranti telefon pintar. 		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
9.	KHIDMAT LATIHAN	<p>Penyebutharga perlu menyediakan khidmat latihan penggunaan sistem pengurusan dan pemantauan aset dan stor kepada pecahan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengguna Sistem; 2. Pentadbir Sistem; 3. Penyebut harga MESTI menyediakan panduan penggunaan (manual) sistem. <p>Penyebut harga perlu menyatakan anggaran kos bagi latihan untuk sekurang-kurangnya dua (2) kali sesi latihan bagi setiap modul SPA dan SPS. Setiap sesi anggaran peserta seramai dua puluh lima (25) peserta secara fizikal.</p>		
10.	LESEN PERISIAN, PANGKALAN DATA, BAHASA PENGATURCARAAN DAN KOD SUMBER	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyebutharga perlu membekal lesen perisian dan pangkalan data bagi sistem yang dicadangkan. 2. Penyebut harga perlu membuat pembaharuan sebarang lesen perisian dan pangkalan data bagi sistem yang dicadangkan. 3. Penyebut harga perlu menyatakan dengan terperinci anggaran kos lesen perisian dan pangkalan data. 		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL.	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>4. Penyebut harga hendaklah membuat serahan kod sumber berkaitan Sistem Pengurusan Dan Pemantauan Aset (SPA) dan Stor (SPS).</p> <p>5. Kod sumber mestilah dimiliki oleh Tourism Malaysia dan Tourism Malaysia berhak untuk mengubahsuai atau meminda sistem selepas tempoh kontrak tanpa menjejaskan sebarang hak Tourism Malaysia mengenai penggunaan sistem ini.</p>		
11.	SYARAT-SYARAT AM	<p>1. Penyebutharga mestilah membuktikan keupayaan dengan mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) projek sistem pengurusan dan pemantauan aset dan stor di agensi-agensi Kerajaan.</p> <p>2. Lampirkan bersama butir-butir pengalaman kerja syarikat serta nama dan nombor pegawai untuk semakan rujukan.</p> <p>3. Menyediakan pegawai teknikal yang berpengalaman dan kompeten bagi melaksanakan kerja-kerja membekal, membangun, memasang, mengujilari, dan menyelenggara yang telah ditetapkan.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>4. Mengemukakan senarai kakitangan teknikal syarikat (mestilah mangandungi sekurang-kurangnya tahap pendidikan, pengalaman kerja, sijil profesional, dsb).</p> <p>5. Sebarang perubahan pada sistem pengurusan dan pemantauan aset dan stor tertakluk kepada sebarang perubahan dasar dan pekeliling berkaitan dan boleh diintegrasikan dengan struktur data dan perisian web sedia ada.</p> <p>6. Penyebut harga perlu menyatakan sama ada terdapat kos yang terlibat dan mengemukakan anggaran kos pada perkara 11 (5).</p> <p>7. Sekiranya terdapat kos tambahan selain yang telah dicadangkan dalam sebutharga ini, Tourism Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung kos tersebut.</p> <p>8. Tourism Malaysia berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian atau menolak sepenuhnya mana-mana cadangan tertakluk kepada cadangan teknikal oleh penyebutharga.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
12.	<p>KRITERIA DAN KEPERLUAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET DAN STOR TOURISM MALAYSIA</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Data sistem sedia ada (Sistem Pengurusan Aset v2.0 1PP dan pangkalan data MySQL Server 5.0.24) yang sedang digunapakai oleh Tourism Malaysia perlu dikeluarkan di dalam <i>raw format</i> (Microsoft Excel) mengikut keperluan yang ditetapkan dan disahkan oleh Tourism Malaysia sebelum proses migrasi dilaksanakan. 2. Melaksanakan proses migrasi data kod, maklumat organisasi, kakitangan, lokasi dan segala data berkaitan aset dan stor kepada sistem yang dicadangkan. 3. Melaksanakan analisa dan pengesahan data migrasi maklumat melalui proses pembersihan data, perubahan data, pemadanan data serta pengesahan data. 4. Sistem ini mestilah berasaskan <i>web based</i> sepenuhnya dan boleh diakses di seluruh cawangan Tourism Malaysia sama ada di dalam negeri atau di luar negara menggunakan <i>browser</i> terkini (Edge, Chrome, Mozilla dan lain-lain) dan <i>mobile friendly</i> (boleh diakses melalui <i>smart phone</i>). Sistem yang dibekalkan mestilah boleh diubahsuai mengikut keperluan semasa oleh Tourism Malaysia. 		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
13.	INSTALASI, PENGUJIAN, KONFIGURASI & PENTAULIAHAN DAN PERISIAN	<p>1. Sistem yang dicadangkan/ dibangunkan mestilah berupaya untuk beroperasi pada server fizikal ataupun secara <i>virtual</i>. Sila nyatakan spesifikasi minimum untuk sistem ini beroperasi seperti di bawah :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kuantiti server yang dicadangkan dan tujuan; ii. Spesifikasi minimum yang diperlukan bagi setiap server yang dicadangkan: <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Number of processors</i> b) Sistem operasi (sekurang-kurangnya Windows Server 2012 R2 dan ke atas) iii. Pangkalan data yang dicadangkan (Sila nyatakan jenis dan versi yang dicadangkan); iv. Keperluan storage (YA/TIDAK). Sekiranya YA, sila nyatakan kapasiti dan untuk tujuan apa; v. <i>Network diagram</i>. <p>Nota : Keperluan server, pangkalan data serta storage dibekal oleh TM.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>2. Penyebut harga MESTI menjalankan User Acceptance Test (UAT) dan <i>Final Acceptance Test (FAT)</i> bagi memastikan kesemua sistem tersebut dapat berfungsi dengan sempurna.</p>		
		<p>3. Penyebut harga mesti melaksanakan instalasi dan konfigurasi <i>SSL certificate</i> bagi memastikan sistem selamat di capai di luar rangkaian ibu pejabat TM. <i>SSL certificate</i> akan dibekalkan oleh TM.</p>		
14.	DOKUMENTASI	<p>Penyebut harga mesti menyediakan dokumen lengkap yang merangkumi <i>softcopy</i> dan <i>hardcopy</i>;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Manual Pengguna, 2. Manual Latihan, 3. Manual Pentadbiran Sistem, 4. Spesifikasi fungsian, kamus data, pangkalan data, rekabentuk dan kod sumber. <p>Manual ini mesti merangkumi semua proses kerja dalam Sistem Pengurusan Dan Pemantauan Aset (SPA) dan Stor (SPS) bagi memastikan bahawa pengguna mempunyai pemahaman yang mencukupi dan pengetahuan yang diperlukan untuk mengendalikan sistem.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
15.	JADUAL PELAKSANAAN	Penyebut harga mestilah menyediakan jadual pelaksanaan kerja.		
16.	TEMPOH JAMINAN	Tempoh jaminan sistem mestilah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh sistem <i>go-live</i> . Skop jaminan adalah termasuk perkara yang dinyatakan di dalam perkara 17 dokumen ini.		
17.	SOKONGAN TEKNIKAL	<p>1. Penyebut harga hendaklah memberi perkhidmatan sokongan teknikal / penyelenggaraan pembetulan (CM) sekiranya terdapat sebarang masalah pada sistem atau apabila diperlukan berserta pelaporan bagi setiap penyelenggaraan dan tiada had dari segi kekerapan sepanjang tempoh jaminan.</p> <p>2. Penyebut harga juga hendaklah memberi khidmat sokongan Penyelenggaraan Pencegahan (PM) sebanyak 4 kali setahun berserta pelaporan bagi setiap penyelenggaraan.</p> <p>Nota: Sekiranya perlu penyelenggaraan dilakukan secara <i>remote</i>, ia hendaklah dimaklumkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>3. Penyebut harga hendaklah berupaya dalam penyelenggaraan aplikasi yang ditawarkan dari segi kekuatan dan kepakaran kakitangan harus diberikan oleh penyebut harga.</p> <p>4. Penyebut harga hendaklah mencadangkan program perkhidmatan selepas pelaksanaan termasuk tindak balas untuk jangkaan masa untuk diperbaiki (<i>expected time to repair/ETTR</i>).</p> <p>5. Penyebut harga akan dihubungi oleh Bahagian Pentadbiran bagi melaporkan masalah yang dihadapi/timbul. nyatakan <i>contact person</i> dan perincian kaedah pelaporan masalah.</p> <p>6. Penyebut harga bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang tempoh masa yang ditetapkan di dalam dokumen <i>Service Level Agreement (SLA)</i> dan memaklumkan Tourism Malaysia tindakan seterusnya yang perlu diambil.</p> <p>Nota: Penyebutharga bertanggungjawab mengenalpasti punca masalah pelaporan/ aplikasi dan memaklumkan Tourism Malaysia tindakan seterusnya yang perlu diambil.</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
		<p>7. Penyebut harga hendaklah mengemukakan kos penyelenggaraan dengan skop seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tempoh penyenggaraan ialah 12 bulan ii. Kos renewal lesen perisian dan pangkalan data iii. Khidmat sokongan Penyelenggaraan Pencegahan (PM) sebanyak 4 kali setahun iv. Tempoh <i>Service Level Agreement</i> (SLA) bagi penyelesaian masalah v. Pelaporan bagi PM & CM vi. Kaedah pelaporan masalah dan <i>contact person</i> <p>Walau bagaimanapun kos ini perlulah dinyatakan secara berasingan dari kos yang dicadangkan untuk sebutharga ini (Rujuk Bahagian B – Pecahan Harga Modul Tambahan).</p>		

SPESIFIKASI BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	PEMATUHAN (YA/TIDAK)	KETERANGAN
18.	LAIN-LAIN PERKARA	1. Penyebut harga hendaklah menyertakan sijil <i>authorized reseller</i> daripada <i>principal</i> bagi solusi yang dicadangkan jika sistem ini tidak dibangunkan oleh penyebutharga.		
		2. Penyebut harga hendaklah mengemukakan jadual pembayaran lengkap.		
		3. Penyebut harga yang disenarai pendek BOLEH DIJEMPUT untuk membuat <i>presentation</i> dan <i>demonstration tertakluk kepada arahan oleh Tourism Malaysia</i> .		

DISEDIAKAN:



AZAMUDDIN BIN ABDUL RAZAK
PENOLONG PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN

DISEMAK:



AZHANI MD RAMLI
TIMBALAN PENGARAH
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

DILULUSKAN OLEH:



SAIDI BUNDAN
PENGARAH
BAHAGIAN PENTADBIRAN

PECAHAN HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

PENYEBUTHARGA HENDAKLAH MENGISI KESEMUA BORANG PECAHAN HARGA DI BAHAGIAN A, BAHAGIAN B DAN BAHAGIAN C.

A) PECAHAN HARGA BAGI MODUL WAJIB:

No	Keterangan Perkhidmatan	Harga RM	SST 6% (Jika Berkenaan)	Jumlah RM
1.	SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET ALIH (SPA) (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 4)			
2.	SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN STOR (SPS) (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 5)			
3.	MODUL LAPORAN (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 6)			
4.	KHIDMAT LATIHAN (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 9)			
5.	LESEN PERISIAN (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 10)			
Jumlah Keseluruhan Modul Wajib				

B) PECAHAN HARGA BAGI MODUL TAMBAHAN:

No	Keterangan Perkhidmatan	Harga RM	SST 6% (Jika Berkenaan)	Jumlah RM
1.	MODUL INTEGRASI (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 7)			
2.	MODUL APLIKASI MOBILE (MOBILE APPS) (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 8)			
3.	KOS PENYELENGGARAAN SELAMA 12 BULAN SELEPAS TAMAT TEMPOH JAMINAN (Rujuk Dokumen Spesifikasi Perkara 17 (7) (i) – (vi))			
Jumlah Keseluruhan Modul Tambahan				

PECAHAN HARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJILARI, DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN ASET (SPA) DAN STOR (SPS) TOURISM MALAYSIA

C) PECAHAN HARGA KESELURUHAN (PECAHAN MODUL WAJIB DAN PECAHAN MODUL TAMBAHAN):

No	Keterangan Perkhidmatan	Harga RM	SST 6% (Jika Berkenaan)	Jumlah RM
1.	MODUL WAJIB			
2.	MODUL TAMBAHAN			
Jumlah Keseluruhan Projek				

Saya sebagai wakil yang sah bagi syarikat di bawah dengan ini mengesahkan bahawa harga ini adalah tepat dan juga kami faham bahawa Tourism Malaysia berhak menerima keseluruhan atau sebahagian atau menolak harga yang ditawarkan oleh syarikat kami. Kami juga faham bahawa Tourism Malaysia adalah tidak terikat untuk memilih mana-mana penyebutharga yang menawarkan harga terendah.

TANDATANGAN :

NAMA PEGAWAI :

COP SYARIKAT :